

## *Innā li Allāhi wa innā ilayhi rāji‘ūn*

Dengan sedihnya diberitakan, Yang Berhormat Encik Ahmad bin Ibrahim, Menteri Buruh Singapura, telah kembali ke rahmatullah Ta‘ālā pada hari Selasa, 21 Rabi‘ al-Awwal 1382, bersamaan 21 Ogos 1962 yang lalu.

Allahyarham semasa hayatnya sangat mengambil berat dalam lapangan kebajikan dan masyarakat dan terkenal seorang yang peramah dan baik pergaulannya.

Mudah-mudahan Allah cucuri rahmat atas rohnyanya dan diberi sabar kepada keluarganya.

Ia hendaklah terdiri dari orang-orang yang bebas: tidak terdiri dari pegawai kerajaan yang berpengaruh atau terdiri dari ahli-ahli dan dari badan-badan siasah sama ada yang memerintah atau tidak memerintah.

Bahagian-bahagiannya diatur dengan sebegitu rupa. Di dalamnya ada badan fatwa. Tiap-tiap sesuatu pertanyaan agama tidaklah terus dibahas di situ sahaja dengan disertai oleh orang-orang yang kurang ahli di dalam hukum agama – lalu diundi. Hukum agama, terutamanya di dalam perkara nikah kahwin telah cukup ada di dalam undang-undang Islam – kalau ulama-ulama mengadakan Lujnah Fatwanya sudah tentu hukumnya tidak akan terpesong dan boleh dipesongkan. Tidak didapat di dalamnya kelak akan main seludup-seludup sahaja untuk mempengaruhi majlis.

Tiap-tiap sesuatu yang ada hukumnya di dalam Islam, maka keputusan Lujnah Fatwa mustahak diikuti – tidak patut lagi diundi. Ini adalah menjauhkan daripada perkara-perkara agama daripada “diceroboh” seperti yang dikatakan pernah terjadi di dalam beberapa perkara persoalan: perkara agama yang ada hukumnya diundi sehingga akhirnya alim ulama yang jadi ahli majlis itu di luar daripada majlis menyampaikan perasaan tidak puas hati di atas

keputusan yang diambil kerana bertentangan dengan ajaran Islam.

Aturan-aturan mesyuarat mestilah dibuat. Keadaannya janganlah seperti sekarang sehingga pernah dikatakan ada ahli-ahli yang baharu dikatakan kehairanan melihat Yang Dipertuanya dikatakannya menjalankan mesyuarat menghendaki mengikut kata-katanya sahaja.

Mudah-mudahan tulisan ini yang kita tujukan untuk kebaikan di antara hubungan kerajaan dengan umat Islam disambut baik.

Kita berharap secepat mungkin susunan majlis itu diubah. Cara-cara melantik ahli hendaklah dibuat dengan cukup cermat dan terjauh daripada ada pegawai-pegawai kerajaan, yang berkaitan dengan jabatan keadilan negeri dan undang-undang di lantik di dalamnya. Demikian juga hendaklah seberapa dapat janganlah hendaknya ada di sana orang-orang yang berkaitan dengan badan-badan siasah terutamanya badan siasah yang memerintah kerana yang demikian itu adalah dengan sendirinya mempengaruhi, sekurang-kurangnya dapat membelokkan fikiran setengah-setengah ahli-ahli yang kurang berani memberi pendapatnya kerana memandang kedudukannya, adanya.